

Tarikh dibaca: 17 Ogos 2018M / 05 Zulhijjah 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“MERAH PAHALA MEMBERSIH DOSA”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)
Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)
Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“MERAIH PAHALA MEMBERSIH DOSA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ
وَأَنْحَرْ ﴿٢﴾ إِنَّ شَانِعَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٣﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَرْسَلَهُ عَزَّ وَجَلَّ بَيْنَ يَدَيِ
السَّاعَةِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا
مُنِيرًا، فَأَدَّى الْأَمَانَةَ، وَبَلَغَ الرِّسَالَةَ، وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ
رَبِّهِ حَتَّى أَتَاهُ الْيَقِينُ، اَللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا
أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar memuhasabah ketakwaan kita kepada Allah Azza wa Jalla dengan terus menerus menjunjung segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

¹ Al-kautsar : 1-3.



Semoga dengan itu kita semua diterima sebagai hamba-Nya yang beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Dalam kesempatan yang sangat berharga ini marilah kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk **"MERAIH PAHALA MEMBERSIH DOSA."**

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Minggu hadapan umat Islam sekali lagi berpeluang menegakkan syi'ar agama Allah Azza wa Jalla iaitu dengan melaksanakan ibadah korban. Orang-orang yang beriman pastinya teruja dengan fadhilat dan kelebihan yang sangat berharga yang dijanjikan Allah Jalla wa 'Ala melalui lisan Nabi Muhammad SAW.

Pertama: Hadis yang diriwayatkan oleh 'Aishah Radhiallahu Anha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ يَوْمَ النَّحْرِ عَمَلًا أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ
عَزَّ وَجَلَّ، مِنْ هِرَاقَةٍ دَمٍ، وَإِنَّهُ لَيَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ
بِقُرُونِهَا وَأَظْلَافِهَا وَأَشْعَارِهَا، وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنْ
اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ،
فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا

"Tiada amalan anak Adam yang sangat Allah Azza wa Jalla hargai pada hari Raya Korban selain dari menumpahkan darah melalui sembelihan korban. Sesungguhnya binatang-binatang itu akan didatangkan pada hari qiamat lengkap dengan tanduk, bulu dan kukunya, dan sesungguhnya



darahnya akan diletakan oleh Allah Azza wa Jalla di tempat yang mulia sebelum ia menitis ke atas bumi. Oleh itu iklaskanlah niat anda melakukannya”

(Riwayat Ibn Majah).

Kedua: Hadis yang diriwayatkan oleh ‘Imran ibn Husain (عِمْرَانُ بْنُ حُصَيْنٍ) bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Wahai Fatimah!. Pergilah kamu menyaksikan korbanmu, sesungguhnya dosa-dosamu akan diampunkan sejak titisan pertama darah yang mengalir darinya, dan sebutlah sesudah itu:

إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ
الْمُسْلِمِينَ

Imran bin Husain bertanya kepada Rasulullah: Adakah kelebihan ini khusus untuk tuan dan ahli keluarga tuan sahaja? Baginda menjawab: Bahkan tidak, ia sesungguhnya untuk semua umat Islam.”

(Riwayat al-Hakim).

Ketiga: Hadis yang diriwayatkan oleh Zaid bin Al-Arqam, bahawa beliau berkata:

“Sahabat-sahabat Rasulullah bertanya kepada Nabi SAW: Ya Rasulullah apakah hakikat ibadah korban ini?, Rasulullah SAW menjawab: ia adalah sunnah bapamu Ibrahim Alaihis Salam, mereka bertanya lagi: Apa pula yang kami dapat darinya ya Rasulullah? Rasulullah menjawab: Setiap helai bulunya adalah kebaikan, mereka bertanya lagi: bulunya ya Rasulullah?



Rasulullah menjawab: ya! Setiap helai bulunya dikira kebaikan (mendapat pahala).

(Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah).

Keempat: Aisyah Radiallahu Anha menceritakan:

فَلَمَّا كُنَّا بِمِنَى، أُتِيَتْ بِلَحْمِ بَقَرٍ، فَقُلْتُ: مَا هَذَا؟ قَالُوا: ضَحَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَزْوَاجِهِ بِالْبَقَرِ

“...Ketika kami berada di Mina kami diberikan daging lembu, lalu aku bertanya: apakah ini?, mereka menjawab: ini adalah daging lembu korban yang di sembelih oleh Rasulullah SAW untuk korban para isteri Baginda.”

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin yang dirahmati Allah,

Hadis-hadis yang tersebut menunjukkan bahawa melaksanakan ibadah korban ini adalah suatu ibadah yang sangat dituntut oleh Islam. Ia sunat dilakukan oleh setiap buah rumah pada setiap tahun bagi orang yang berkemampuan. Walau bagaimana pun hukum melaksanakan ibadah korban ini hanyalah sunat muakkadah. Ini adalah mengikut pandangan Jumhur ulama termasuk ulama bermazhab Syafi'e yang menjadi pegangan kita di negeri Selangor ini.

Hadirin sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Berikut adalah beberapa soalan lazim yang sering ditanya oleh masyarakat berkaitan Ibadah korban:



1. Bolehkah peserta korban memakan daging korban yang ia sertai? Jawabannya boleh, kecuali jika korban itu korban wajib yang dinazarkan.

2. Bolehkah daging korban atau mana-mana bahagian binatang korban diberikan sebagai upah kepada tukang sembelih dan petugas-petugas? Jawabannya tidak boleh. Walaubagaimanapun penyembelih dan petugas boleh diberikan upah atau saguhati daripada sumber yang lain.

3. Bolehkah penyembelih dan petugas menerima agihan daging korban seperti orang lain? Jawabannya mereka boleh menerima agihan korban seperti orang lain.

4. Bagaimanakah cara daging korban diagihkan? Jawabannya daging korban itu afdhal dibahagikan kepada tiga bahagian; satu bahagian untuk peserta, satu bahagian disedekahkan kepada fakir miskin dan bakinya dihadiahkan kepada jiran-jiran.

5. Bolehkah daging korban itu disimpan lebih tiga hari? Jawabannya boleh, walau berapa lama sekali pun.

6. Jika kebetulan seseorang itu mendapat bayi yang belum diaqiqahkan, manakah yang lebih afdhal aqiqah atau korban?

Jawapannya: Afdhal ia membuat korban, kerana aqiqah boleh dilakukan pada masa lain yang masih panjang. Namun ada pendapat yang mengatakan dalam masalah ini jika ia berniat untuk kedua-duanya sekali maka sah dan memadai.

Pendapat ini boleh dirujuk pada kitab Furu' Masail (فُرُوعُ الْمَسَائِلِ), dan juga ada difatwakan oleh Al-Sheikh Zakaria Al-Ansari dalam kitab Hashiatul Jamal, begitu juga Al-Sheikh Ibn Hajar Al-Haitami dalam kitab Tuhfatul Muhtaj:



وَلَوْ نَوَىٰ بِالشَّاةِ الْمَذْبُوحَةِ الْأُضْحِيَّةِ وَالْعَقِيْقَةَ حَصَلًا خِلَافًا لِّمَنْ زَعَمَ خِلَافَهُ

"Jika seseorang itu berniat korban dan aqiqah (pada seekor kambing) maka berhasillah pahala kedua-duanya sekali, berbeza dengan pendapat yang menyalahinya".

Muslimin sidang Jumaat sekalian,

Sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor masih lagi meneruskan sumbangan lembu korban sempena sambutan Eidul Adha pada tahun ini kepada masjid dan surau kebenaran solat Jumaat seluruh Negeri Selangor. Sumbangan yang amat bermakna ini adalah bertujuan untuk menghidupkan syiar dan roh semangat korban sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS. Lebih-lebih lagi ia merupakan sunnah Nabi Muhammad SAW yang sangat dituntut.

Harapan yang tinggi agar lembu sumbangan tersebut tidak dijual beli oleh pihak penerimanya. Sebaliknya hendaklah ditentukan penama korban dikalangan ahli kariah yang tidak pernah melaksanakan ibadah korban terutama sekali bagi golongan kurang berkemampuan, fakir dan miskin yang amat memerlukannya.

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Mengakhiri khutbah ini marilah kita mengutip beberapa mutiara tausiah yang berkaitan:

1. Umat Islam wajib mematuhi apa saja yang diperintahkan Allah Jalla wa 'Ala dan Rasulullah SAW.



2. Umat Islam wajib mensyukuri nikmat yang Allah Jalla wa 'Ala kurniakan kepada kita dengan membantu dan menyantuni saudara seagama yang kurang bernasib baik.

3. Dalam melaksanakan perintah Allah, umat Islam wajib mematuhi segala peraturan yang telah di tetapkan dan hendaklah diiringi dengan niat yang ikhlas untuk mendapat balasan di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ذَلِكَ وَمَنْ يُعِظْكُمْ شَعْبِ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾

"Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (Dia lah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin".

(al-Hajj : 32).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Sahari/Nurul
07.08.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِيَ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكُو
أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطِلْ عُومَرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ
لِلْمُؤَظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
